

MUHAMMAD HAKIMI ISMAIL
yakin dapat meraih pingat acara lompat kijang dalam Sukan Komanwel bulan depan.



Peluang Hakimi raih pingat

■ KUALA LUMPUR 22 MAC

ATLET lompat kijang lelaki negara, Muhammad Hakimi Ismail menganggap peluang memenangi pingat di Sukan Komanwel 2018 di Gold Coast bulan depan tetap terbuka luas berikutan persaingan yang seimbang daripada semua pencabar lain.

Walaupun mengakui perlu melihat senarai terakhir atlet yang bakal menyertai acara olahraga balapan itu, berdasarkan prestasi semasa, jaguh-jaguh dari negara Komanwel, jarak lompatan antara mereka tidak jauh bezanya.

“Ketika ini persaingan untuk memenangi pingat agak terbuka dan seimbang kerana berdasarkan catatan semasa, perbezaannya hanya antara lima hingga 10 sentimeter (sm) antara atlet yang bertanding.”



Sesiapa pun boleh memenangi emas, perak atau gangsa di Gold Coast. Tahap pertandingan di Sukan Komanwel boleh dikatakan tidak terlalu tinggi kerana tiada juara dunia, Olimpik atau pemegang rekod dunia yang menyertainya.

MUHAMMAD HAKIMI ISMAIL
Atlet lompat kijang lelaki

“Pada jarak perbezaan yang kecil ini, sesiapa pun boleh memenangi emas, perak atau gangsa di Gold Coast. Tahap pertandingan di Sukan Komanwel boleh dikatakan

tidak terlalu tinggi kerana tiada juara dunia, Olimpik atau pemegang rekod dunia yang menyertainya.

“Kalau ada ketiga-tiga itu, bahanulah ia kebiasaan dia dianggap persaingan pada tahap tertinggi. Ketika ini acara lompat kijang dunia lebih dikuasai atlet Amerika Syarikat yang tidak menyertai Sukan Komanwel,” katanya pada sidang media persiapan atlet Podium ke Sukan Komanwel yang turut dihadiri jurulatihnya, Victor Sotnikov di Bukit Jalil dekat sini hari ini.

Sehubungan itu, pemegang rekod kebangsaan 16.77 meter ini yang dilakukan di Sukan SEA tahun lalu menganggap atlet England, Nigeria dan Bahamas sebagai pencabar utamanya di Gold Coast.

Bagaimanapun untuk memastikan warna pingat yang mampu digapainya, Hakimi, 27, berkata, beliau perlu melihat senarai nama atlet yang

berstanding terlebih dahulu sebelum boleh meletakkan sasaran yang realistik.

“Selain mensasarkan pingat, saya juga ingin memperbaharui lagi rekod kebangsaan dan catatan peribadi terbaik saya. Saya berharap persaingan yang sengit di Gold Coast nanti mampu mendorong saya untuk melompat dengan lebih baik.”

“Apa yang mengembirakan saya ketika ini ialah jarak lompatan saya terus konsisten pada 16.20 meter dan ke atas. Terbaru di Terbuka Kuala Lumpur, saya berjaya melakukan lompatan sejauh 16.27 meter.”

“Jadi saya yakin mampu melakukan lebih baik jika dapat memperbaiki teknik lompatan sambil mengelak daripada ditimpa kecederaan menjelang Sukan Komanwel nanti,” tegasnya yang sudah menyertai lima kejohanan termasuk dua di Australia baru-baru ini.